

TARIKH: 3/8/23  
SURAT KHABAR: Kosmo Khamis  
MUKA SURAT:

## Sistem permohonan visa pekerja asing diperluas

**PETALING JAYA** – Sistem permohonan dan pembaharuan visa pekerja mahir asing, Xpats Gateway kini diperluaskan dengan penambahan 10 lagi Agensi Kawal Selia dan Agensi Pelulus bermula 31 Julai lalu.

Antara 10 agensi itu termasuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Radio Televisyen Malaysia, Majlis Sukan Negara, Persatuan Bola Sepak Malaysia dan Lembaga Arkitek Malaysia.

Turut tersenarai Lembaga Jururawat Malaysia, Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, Perbadanan Filem Nasional, Persatuan Equestrian Malaysia serta Persatuan Lumba Kuda Malaya.

Perluasan dan penambahan agensi itu diumumkan semasa lawatan kerja Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (KSM), Datuk Seri Ir. Dr. Zaini Ujang ke TalentCorp di sini

pada Isnin lalu.

Pada lawatan tersebut, Zaini berkata, beliau turut yakin bahawa TalentCorp boleh terus membantu industri dalam memudah cara pengurusan pengambilan ekspatriat berkemahiran tinggi untuk bekerja di Malaysia.

“Seterusnya ia mempercepat pertumbuhan ekonomi negara dengan kredibilitinya ke arah pembangunan negara yang mesra perniagaan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TalentCorp, Thomas Mathew berkata, kerjasama rentas kementerian dan agensi itu akan mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai hub bakat berkemahiran tinggi.

Sistem Xpats Gateway diuruskan sepenuhnya oleh TalentCorp yang juga agensi di bawah KSM dan mula beroperasi pada 15 Jun lalu.



THOMAS (kiri) ketika memberi taklimat kepada Zaini tentang Platform Xpats Gateway di Petaling Jaya Isnin lalu.

Kosmo / khamis / 3 0905